

16 JUN 2003

Abdullah-Asean/I

MALAYSIA HARAP SUU KYI AKAN DIBEBASKAN: ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata beliau mahu "melihat Myanmar menyahut gesaan Asean secara positif" dengan membebaskan pemimpin prodemokrasi Myanmar Aung San Suu Kyi.

Beliau berkata nasihat Asean kepada pemerintah junta Myanmar supaya membebaskan pemenang hadiah Nobel Keamanan merupakan sesuatu yang membabitkan perhubungan konstruktif dan "ia bukan niat Asean untuk campur tangan" dalam urusan dalaman negara anggota.

"Saya tidak pernah mendengar hasrat Asean untuk meminggirkan dasar tidak campur tangan tetapi mereka (Asean) mahu menjalin hubungan dengan Myanmar secara konstruktif bagi membantu mengatasi apa sahaja masalah yang kita lihat wujud di Myanmar.

"Dan saya harap mereka berjaya. Saya yakin, saya memahami hakikat bahawa Myanmar akan menerima pandangan anggota Asean yang boleh mereka yakini dan percayai. Saya suka melihat Myanmar memberi respons kepada gesaan Asean secara positif," katanya.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan persidangan Tahunan Kelapan mengenai Minyak dan Gas Asia bagi mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Mandarin Oriental di sini.

Suu Kyi ditahan oleh kerajaan tentera Myanmar pada 30 Mei selepas pertempuran antara para penyokongnya dengan gerombolan prokerajaan di utara Myanmar.

Beliau ditahan sejak itu dan keadaan itu menjejaskan proses perdamaian bagi menamatkan kebuntuan politik negara itu selama 15 tahun.

Kerajaan Myanmar telah beberapa kali mendakwa Suu Kyi diberi perlindungan kerana bimbang dengan usaha untuk membunuhnya.

Semalam Menteri Luar Myanmar Win Aung berkata Suu Kyi tidak ditahan tetapi dalam jagaan bagi memastikan keselamatannya terpelihara.

Sejak penahanan pemimpin prodemokrasi itu, beberapa kerajaan Asean, termasuk Malaysia, menggesa pembebasannya serta merta.

Dalam perkembangan lain, Abdullah berharap pemimpin Umno akan berpegang kepada janji mereka untuk tidak berebut jawatan dalam parti selepas persaraan Dr Mahathir, yang juga presiden Umno.

Semalam, Abdullah yang telah dinamakan sebagai pengganti Perdana Menteri selepas persaraan Dr Mahathir Oktober ini, berkata ketiga-tiga naib presiden Umno telah memberi mandat penuh kepadanya untuk memilih timbalannya bila tiba masanya nanti.

Ketiga-tiga naib presiden Umno ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Razak, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Semalam Abdullah yang juga timbalan presiden Umno, berkata bahawa beliau telah bertemu ketiga-tiga naib presiden Umno dan mereka telah berjanji akan menyokong pilihannya untuk mengisi jawatan timbalan presiden parti dan Timbalan Perdana Menteri selepas Oktober.

"Saya sudah buat kenyataan semalam bahawa kesemua mereka bersetuju dan menyokong calon yang saya pilih sebagai timbalan," katanya.

Ditanya jika mereka akan berpegang kepada janji itu, Abdullah berkata: "Kita tengok nanti, saya ingat kawan-kawan saya (ketiga-tiga naib presiden Umno) ini ikhlas. Saya akan pegang (kepada) janji mereka."

-- BERNAMA

SR SR LAT